



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# Kapsul Pengguna

f X t o KP DN



**YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI  
MENTERI  
PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP**



*Tahniah &  
Selamat Datang*

## 2 KANDUNGAN

KAPSUL PENGGUNA 6, NOVEMBER – DISEMBER, 2023

5

SELAMAT DATANG YB MENTERI PDN

6

TURUN PADANG YB MENTERI PDN BAGI  
PEMERIKSAAN & PEMANTAUAN HARGA  
BARANG

7

SAMBUTAN HARI INTEGRITI DAN PERHIMPUNAN BULANAN  
BAGI BULAN NOVEMBER PERINGKAT KPDN TAHUN 2023

8

SESI **TOWN HALL DASAR FRANCAIS NEGARA**  
**(DFN) 2030**

9

**SCOL 2023 - “MENANGANI KOS SARA**  
**HIDUP TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

10

**KAD DISKAUN KHAS** BAGI PENGUSAHA  
MENU RAHMAH

12

RANGKUMAN RERUAI KPDN  
**PROGRAM SETAHUN BERSAMA**  
**KERAJAAN MALAYSIA MADANI**

14

TINJAUAN HARGA AYAM  
**SUSULAN PENAMATAN SUBSIDI DAN**  
**KAWALAN KE ATAS HARGA AYAM**

15

**6 HOURS CHALLENGE RAKYAT**  
**DIGITAL SIRI 1**  
PULAU LANGKAWI, KEDAH



### **3 KANDUNGAN**

KAPSUL PENGGUNA 6, NOVEMBER – DISEMBER, 2023

**16**

PENGUMUMAN **SKIM HARGA MAKSIMUM  
MUSIM PERAYAAN (SHMMP) DEEPAVALI 2023**

**18**

**PROGRAM JUALAN RAHMAH SISWA DAN PROGRAM  
ADVOKASI PENGGUNA PERINGKAT KEBANGSAAN  
BERSAMA INSTITUT PENGAJIAN TINGGI**

**19**

**MAJLIS PELANCARAN KEMPEN BELI BARANGAN  
MALAYSIA 2023 DAN KERJASAMA MENGEKSPORT  
PRODUK MALAYSIA KE LUAR NEGARA  
BERSAMA PASAR RAYA LULU MALAYSIA 2023**

**20**

**KARNIVAL BARANGAN MALAYSIA 2023**

**22**

**MISI PERDAGANGAN FRANCAIS MALAYSIA  
KE PHNOM PENH (CAMBODIA), KEMBOJA**

**23**

**LAWATAN DAN SESI PEMANTAUAN  
SYARIKAT PEMBUNGKUSAN MINYAK MASAK**

**26**

**PENGUMUMAN SKIM HARGA MAKSIMUM  
MUSIM PERAYAAN (SHMMP) KRISMAS 2023**

**28**

**KAMI BERTINDAK!**

**30**

**SOROTON LENSA KPDN**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# Tahniah

**YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI**

*Atas pelantikan sebagai*

**MENTERI**  
PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

*Berkuat kuasa*  
**12 DISEMBER 2023**

**Selamat Menjalankan Tugas**

*Ikhlas Daripada*  
Pengurusan Tertinggi  
dan Seluruh Warga Kerja KPDN



f X t o y KPDN

# Selamat Datang & Tahniah

## YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI MENTERI

### PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP

Selamat datang dan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Armizan bin Mohd Ali atas pelantikan sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

YB Datuk Armizan bin Mohd Ali, Menteri PDN memulakan tugas beliau pada hari ini dengan sesi *clock-in* dan seterusnya beliau membuat pemeriksaan Perbarisan Kawalan Kehormat Penguat kuasa KPDN yang diadakan di Anjung Seri, KPDN, Putrajaya.

YB Menteri turut mempengerusikan Mesyuarat Post-Kabinet Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bilangan 27/2023 yang turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha KPDN serta Pengurusan Tertinggi Kementerian.

**Selamat Datang dan Selamat Maju Jaya  
diucapkan kepada  
YB Datuk Armizan bin Mohd Ali.**



# TURUN PADANG YB MENTERI PDN BAGI PEMERIKSAAN & PEMANTAUAN HARGA BARANG



YB Datuk Armizan bin Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak hari ini telah meluangkan masa turun padang untuk melakukan pemeriksaan dan pemantauan harga barang kawalan dan subsidi di premis-premis sekitar Putrajaya pada 1 November 2023.

Tujuan pemeriksaan dan pemantauan ini dilaksanakan bagi meninjau situasi semasa yang berlaku di lapangan berhubung penjualan ayam susulan penamatan subsidi dan kawalan ke atas harga ayam bermula hari ini iaitu 1 November 2023 seperti yang telah diumumkan oleh YB Datuk Seri Mohamad Sabu, Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan pada 30 Oktober 2023.

KPDN telah menggerakkan 2,268 anggota penguat kuasa di seluruh negara untuk menjalankan pemeriksaan dan penguatkuasaan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [Akta 723] bagi memantau situasi harga ayam yang diapungkan mengikut harga pasaran semasa dan memastikan tidak berlaku kenaikan harga yang tidak munasabah.

Pada masa yang sama, KPDN komited dalam menjalankan pemantauan harga barang yang dilaksanakan oleh lebih daripada 900 Pegawai Pemantau Harga KPDN setiap hari melibatkan hampir 1,500 premis meliputi pasar basah, hypermarket dan supermarket, pasar mini dan kedai runcit di seluruh Malaysia.

KPDN juga ingin memberikan amaran keras kepada semua peniaga agar sentiasa mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah dikuatkuasa dengan mempamerkan tanda harga dengan jelas dan menggunakan alat timbang dan sukat yang telah ditentukan bagi mengelakkan dikenakan tindakan tegas oleh pihak KPDN.

Turut hadir sama dalam tinjauan pemeriksaan dan pemantauan harga barang adalah YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha KPDN dan YBhg. Datuk Azman bin Adam, Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN.



# SAMBUTAN HARI INTEGRITI DAN PERHIMPUNAN BULANAN BAGI BULAN NOVEMBER PERINGKAT KPDN TAHUN 2023



Untuk makluman, "Integriti Citra Malaysia Madani" merupakan tema Sambutan Bulan Integriti Nasional 2023. Pemilihan tema ini adalah sejajar dengan gagasan Malaysia MADANI yang memperihalkan kerangka ikhtiar bagi mengembalikan martabat negara melalui teras pembangunan nilai etika dan akhlak masyarakat.



Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KP DN) telah menganjurkan Sambutan Hari Integriti Tahun 2023 bersempena Perhimpunan Bulanan KP DN pada 22 November 2023 bertempat di Dewan Serbaguna KP DN, Putrajaya.

Majlis dimulakan dengan ucapan dan amanat oleh YBhg. Tan Sri Azam Baki, Ketua Pengarah, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan disusuli dengan ucapan perasmian oleh YB Datuk Armizan bin Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.



Turut berlangsung, Pelancaran Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC). Langkah ini adalah berdasarkan tiga (3) bidang keutamaan iaitu (1) Memperkasa Tadbir Urus dan Pengurusan MyCC, (2) Meningkatkan Akauntabiliti dan Ketelusan dan yang terakhir (3) Memperkasa Penguatkuasaan Undang-undang Persaingan. Bagi tujuan tersebut, sebanyak tiga (3) Strategi dan tujuh (7) Objektif Strategik yang telah digariskan serta 39 Inisiatif atau Pelan Tindakan perlu dilaksanakan dalam usaha untuk mencapai matlamat OACP MyCC.





## SESI TOWN HALL DASAR FRANCAIS NEGARA (DFN) 2030

YB Datuk Armizan bin Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) telah menyampaikan ucaptama pada Sesi Town Hall Dasar Francais Negara (DFN) 2030 pada 11 Disember 2023 bertempat di Dewan Serbaguna KPDN, Putrajaya.

Sesi Town Hall Dasar Francais Negara 2030 dilaksanakan untuk mendapat maklum balas semua pihak berkepentingan bagi memastikan penggubalan sebuah dasar yang berupaya untuk memandu hala tuju pemerkasaan industri francais negara dan melibatkan 200 pemain industri francais yang terdiri daripada wakil francaisor, francaisi, dewan perniagaan dan agensi awam yang berkaitan.

Dasar Francais Negara (DFN) 2030 akan menggariskan hala tuju yang lebih jelas dan ruang untuk industri ini berkembang secara lebih holistik untuk menjadikan industri francais sebagai penyumbang utama kepada kemampunan ekonomi negara sejajar dengan matlamat ekonomi MADANI untuk melonjakkan Malaysia sebagai peneraju ekonomi di rantau Asia Tenggara.

DFN 2030 telah menetapkan sasaran utama keberhasilan melalui nilai jualan perniagaan francais dengan jangkaan peningkatan sebanyak RM100 bilion pada tahun 2030 berbanding RM14.56 bilion pada tahun 2020. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) merancang untuk melancarkan Dasar Francais Negara (DFN) 2030 pada suku pertama tahun 2024.





## SCOL 2023 - "MENANGANI KOS SARA HIDUP TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

YB Datuk Armizan bin Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup mewakili YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri telah merasmikan dan menyampaikan ucaptama bagi Simposium Kos Sara Hidup Tahun 2023 (SCOL 2023) yang telah berlangsung pada 28 November hingga 29 November 2023 bertempat di IOI Grand Exhibition & Convention Centre, IOI City Mall, Putrajaya.

Simposium Kos Sara Hidup 2023 (SCOL 2023) anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) ini merupakan simposium ke-dua (2) dengan tema pada tahun ini "Menangani Kos Sara Hidup Tanggungjawab Bersama". Platform ini mengumpulkan semua pemegang taruh, penggubal dasar, ahli akademik, pakar ekonomi, pihak korporat, badan bukan kerajaan (NGO), pemain industri, persatuan pengguna, pempengaruh media dan ketua komuniti.

Simposium ini merupakan salah satu usaha KPDN bagi mendapatkan input, maklum balas serta pandangan daripada semua pihak berkaitan isu semasa dan cabaran baharu dalam mendepani kos sara hidup. Secara umumnya, SCOL 2023 juga akan memperkenalkan solusi baharu dalam melengkapkan dan memperkasa inisiatif untuk menangani bebanan kos sara hidup yang dihadapi oleh rakyat Malaysia MADANI.

Pengisian SCOL 2023 merangkumi perbincangan sebanyak enam (6) sesi diskusi mengenai topik semasa berkaitan kos sara hidup yang diberi oleh panel dan moderator yang pakar di dalam bidang masing-masing.

Turut hadir bersama, YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha KPDN, YBhg. Dato' Zakaria bin Shaaban, Timbalan Ketua Setiausaha (Pendayaupayaan Pengguna) KPDN, YBhg. Datuk Roziah binti Abudin, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Perdagangan Dalam Negeri), Pengarah-pengarah Kanan, Bahagian dan Negeri serta Pegawai Kanan Kementerian.





## KAD DISKAUN KHAS BAGI PENGUSAHA MENU RAHMAH

YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) hari ini telah menyempurnakan Majlis Perasmian Pengumuman Kad Diskaun Khas Menu RAHMAH pada 2 November 2023 bertempat di Restoran Ali Maju, Taman Sri Rampai Kuala Lumpur.

Penawaran Kad Diskaun Khas Menu RAHMAH ini merupakan program rintis bersama di antara Kementerian dan pemain industri dalam sektor perdagangan dan pengedaran khusus buat pengusaha-pengusaha Menu RAHMAH di seluruh negara. KPDN menghargai komitmen enam buah pasar raya yang telah bersetuju untuk terlibat dalam pelaksanaan inisiatif ini iaitu pasar raya AEON BiG, Econsave, Giant, Lotus's, Mydin serta NSK.

Antara barang yang ditawarkan dengan kadar diskaun kepada pengusaha Menu RAHMAH yang telah diluluskan penyertaan dalam program ini adalah barang mentah seperti ayam, bawang dan barang asas makanan yang lain bagi membantu pengusaha mengurangkan kos penyediaan Menu RAHMAH.

Pasar raya-pasar raya ini akan menawarkan kadar diskaun sehingga 40 peratus terhadap 5,000 stock keeping unit (SKU); tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh pasar raya.



YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup bersama-sama YB Senator Puan Hajah Fuziah binti Saleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup dan YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha KPDN mencuba sendiri Menu RAHMAH yang ditawarkan di Restoran Ali Maju, Taman Sri Rampai, Kuala Lumpur.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP



## KAD DISKAUN KHAS BAGI PENGUSAHA MENU RAHMAH

### *Anda pengusaha Menu RAHMAH?*

Jom mohon Kad Diskaun Pengusaha  
Menu RAHMAH melalui:



#### *Syarat-syarat permohonan:*

- 1 Warganegara Malaysia
- 2 Telah berdaftar sebagai pengusaha Menu RAHMAH di bawah KPDN
- 3 Perniagaan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) & Pihak Berkuasa Tempatan



#### *Kerjasama strategik:*



**Kadar diskaina sehingga 40 peratus terhadap 5,000 stock keeping unit (SKU) tertakluk kepada terma dan syarat pasar raya**



## RANGKUMAN RERUAI KPDN DI PROGRAM SETAHUN BERSAMA KERAJAAN MALAYSIA MADANI

Lensa KPDN merakamkan pelbagai suasana dan reaksi hadirin di reruai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sempena Program Setahun Bersama Kerajaan Malaysia MADANI yang telah berlangsung pada 8 Disember sehingga 10 Disember 2023 bertempat di Perkarangan Stadium Nasional Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha KPDN bersama-sama YBhg. Dato' Zakaria bin Shaaban, Timbalan Ketua Setiausaha (PPP) KPDN telah meluangkan masa turun padang bagi melakukan sesi lawatan ke reruai KPDN serta turut mengadakan sesi *walkabout* ke Program Jualan RAHMAH pada hari kedua Program Setahun Bersama Kerajaan Malaysia MADANI.

Selain itu, sesi *Pocket Talk* telah berlangsung dimana sesi ini membicarakan topik-topik cukup menarik yang pastinya mendapat sambutan dan perhatian daripada para pengunjung diantaranya adalah topik berhubung "Tulenkah Emas Anda ?" dan telah disampaikan oleh YBrs. Encik Anuar Zaidi Mohd Ramli, Pegawai Penguat Kuasa KPDN bersama YBrs. Encik Mohd Hafisol Yusoff, Timbalan Pengurus Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia. Reruai KPDN turut dimeriahkan dengan Sesi *Live Podcast* yang bertajuk Kos Sara Hidup-Cabaran & Pelaksanaan yang disampaikan oleh YBrs. Encik Atan Sapian, Pengarah Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara, KPDN.


Program Setahun Bersama Kerajaan Malaysia MADANI telah melabuhkan tirainya pada 10 Disember 2023 dimana perasmian penutup telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri dan seterusnya YAB Perdana Menteri berkesempatan meluangkan masa melawat reruai KPDN usai ucaptama perasmian penutup Program Setahun Bersama Kerajaan Malaysia MADANI.

YB Datuk Armizan bin Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup turut meluangkan masa turun padang pada hari terakhir program tersebut dengan melakukan sesi *walkabout* serta meninjau ke reruai KPDN dan melawat tapak Program Jualan RAHMAH yang diadakan berhampiran khemah utama Program Setahun Bersama Kerajaan Malaysia MADANI.

Sambutan luar biasa diterima daripada pengunjung yang hadir untuk mengetahui pelbagai manfaat dan inisiatif yang ditawarkan oleh KPDN bagi membantu meringankan beban kos sara hidup dan pengunjung turut berpeluang menyertai pelbagai aktiviti menarik yang telah disediakan di reruai KPDN.

# SOROTAN LENSA

## RERUAI KPDN DI PROGRAM SETAHUN BERSAMA KERAJAAN MALAYSIA MADANI





## TINJAUAN HARGA AYAM SUSULAN PENAMATAN SUBSIDI DAN KAWALAN KE ATAS HARGA AYAM

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sarawak Hidup meluangkan masa dengan turun padang bagi melakukan pemeriksaan dan pemantauan harga barang bertempat di Pasar Awam Presint 8, Putrajaya dan Pasar Awam Kajang, Selangor pada 3 November 2023.

Tujuan pemeriksaan dan pemantauan ini dilaksanakan bagi meninjau situasi semasa yang berlaku di lapangan berhubung penjualan ayam susulan penamatan subsidi dan kawalan ke atas harga ayam bermula 1 November 2023.

Untuk makluman, berdasarkan pemantauan yang dilakukan oleh KPDN pada 2 November 2023, kedudukan harga purata Ayam Bersih Standard di peringkat Nasional adalah RM8.51/kg manakala harga purata di Semenanjung Malaysia adalah RM8.46/kg. Sementara itu, harga purata bagi Ayam Bersih Standard di Sabah adalah RM11.61/kg, Sarawak adalah RM10.14/kg dan Wilayah Persekutuan Labuan pula adalah RM12.50/kg.

KPDN ingin memberikan amaran keras kepada semua peniaga agar sentiasa mematuhi peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa dengan mempamerkan tanda harga dengan jelas dan menggunakan alat timbang dan sukat yang telah ditentusahkan bagi mengelakkan dikenakan tindakan tegas oleh pihak Kementerian



YB Timbalan Menteri KPDN meluangkan masa turun padang bagi melihat sendiri keadaan dan situasi terkini para peniaga ayam segar di Pasar Awam Kajang, Selangor.



Program Retail Digitalisation Initiative - ReDI 6 Hours Challenge Rakyat Digital Siri 1 : Peringkat Akhir telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri KPDN dengan simbolik acara melepaskan (flag off) peserta-peserta program bertempat di ruang legar PARKROYAL Langkawi Resort, Pulau Langkawi, Kedah pada 4 November 2023 yang lalu.

Program ini merupakan kesinambungan kepada siri program-program ReDI yang terdahulu dimana program ini telah dilaksanakan sejak tahun 2021 bertujuan untuk menggalakkan digitalisasi di kalangan peniaga dan pengguna di Malaysia. Berbeza dengan program-program yang dilaksanakan sebelum ini, Program ReDI 6 Hours Challenge pada kali ini dibawakan dalam format baharu yang lebih santai dan menyeronokkan namun mampu memberikan hasil yang lebih signifikan dalam tempoh masa yang lebih singkat.

Program ReDI 6 Hours Challenge Rakyat Digital Siri Pertama : Peringkat Awal yang lalu telah dilaksanakan di WP Labuan pada 22-23 September 2023 dan bagi peringkat akhir pula telah dilaksanakan di Pulau Langkawi serta melibatkan penyertaan dari 16 kumpulan yang mewakili pejabat KPDN negeri di seluruh negara.



Setelah enam (6) jam peserta bertungkus lumus dalam menyelesaikan cabaran yang diberi, akhirnya KPDN Negeri Johor telah dinobatkan sebagai Johan bagi Program 6 Hours Challenge Rakyat Digital Siri 1, manakala KPDN Negeri Pulau Pinang dinobatkan sebagai Naib Johan dan seterusnya tempat ketiga dimenangi oleh KPDN Negeri Perak.

Program 6 Hours Challenge Rakyat Digital Siri 1 : Peringkat Akhir telah melabuhkan tirainya dan Majlis Penutup telah disempurnakan oleh YB Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri KPDN diiringi oleh YBhg. Datuk Roziah binti Abudin, Timbalan Ketua Setiausaha (PPDN) KPDN dan YBhg. Dato' Rohaizi bin Bahari, Pengarah Kanan (SDTP) KPDN.



# PENGUMUMAN SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN (SHMMP) DEEPAVALI 2023

YB Datuk Armizan bin Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup mengumumkan pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Deepavali 2023 yang akan berkuatkuasa bermula 9 November sehingga 15 November 2023 bertempat di Pertubuhan Kebajikan Jaya Sri, Beranang, Selangor pada 06 November 2023.

Menurut beliau, Tempoh pelaksanaan penguatkuasaan adalah selama 7 hari iaitu 3 hari sebelum perayaan, semasa perayaan dan 3 hari selepas perayaan bagi menjamin kestabilan harga kepada kedua-dua belah pihak sama ada di peringkat pengguna mahupun peniaga.

Selain daripada barang-barang di bawah harga kawalan maksimum sedia ada, Kementerian telah mengenal pasti sebanyak 8 jenis barang yang akan dikawal di bawah Skim ini. Barang yang terlibat di bawah Skim adalah seperti Bawang merah besar import, Bawang merah kecil (India) tidak termasuk Ros, Cili merah, Daging kambing biri-biri bertulang import, Kacang dal (Australia), Kelapa biji (Harga maksimum di peringkat borong sahaja, Kelapa parut (Harga maksimum di peringkat runcit sahaja) dan buah Tomato.

Tempoh pelaksanaan SHMMP Deepavali 2023 kali ini adalah bersesuaian mengikut keadaan semasa bagi menjamin kestabilan harga kepada kedua-dua pihak sama ada di peringkat pengguna mahupun peniaga. Selain itu, SHMMP Deepavali 2023 akan dikuatkuasakan melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011.

Harga maksimum yang telah ditetapkan untuk SHMMP Deepavali 2023 di peringkat pemborong dan peruncit boleh disemak melalui laman web Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup di [www.kpdn.gov.my](http://www.kpdn.gov.my).

Turut berlangsung adalah penyerahan sumbangan Bakul RAHMAH kepada 50 penerima oleh Datuk Armizan bin Mohd Ali, Menteri PDN diiringi oleh YB Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri PDN, YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha KPDN, YB Tuan Mohd Sany Hamzan, Ahli Parlimen Hulu Langat dan YBhg. Datuk Azman bin Adam, Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN.





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# S K I M HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN DEEPAVALI 2023

**Berkuat kuasa : 9 November 2023 – 15 November 2023**  
melibatkan 8 jenis barang

**Bawang Merah  
Besar Import**



**Bawang Merah  
Kecil (India) Tidak  
Termasuk Ros**

**Cili Merah**



**Daging Kambing  
Biri-Biri Bertulang  
Import**

**Kacang Dal  
(Australia)**



**Kelapa Biji**  
(\*Harga maksimum  
di peringkat borong  
saaja)

**Kelapa Parut**  
(\*Harga maksimum  
di peringkat runcit  
saaja)



**Tomato**

Pematuhan peniaga terhadap barang harga terkawal di bawah  
**Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011**

- Menggunakan tanda harga merah jambu
- Tidak menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan

Lihat senarai penuh harga maksimum  
8 barang terlibat di peringkat  
pemborong dan peruncit melalui  
Portal Rasmi KPDN:

**SCAN**  
SENARAI PENUH →



## PROGRAM JUALAN RAHMAH SISWA DAN PROGRAM ADVOKASI PENGGUNA PERINGKAT KEBANGSAAN BERSAMA INSTITUT PENGAJIAN TINGGI

YB Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup telah merasmikan Program Jualan RAHMAH Siswa dan Program Advokasi Pengguna Peringkat Kebangsaan pada 19 November 2023 bertempat di Tapak Pesta Konvokesyen Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah. Program ini mendapat penglibatan mahasiswa Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Jitra yang turut disenaraikan dalam *Malaysia Book of Record* (MBOR).

Program Jualan RAHMAH Siswa ini diadakan bertujuan memberi peluang kepada seluruh warga khususnya mahasiswa IPTA supaya dapat membeli barang keperluan asas dengan harga mampu milik dan meningkatkan lagi pendedahan berkaitan hak-hak pengguna dalam kalangan mahasiswa serta mahasiswi.

Program Jualan RAHMAH Siswa ini berkonsepkan kedai runcit bergerak ke kawasan kampus yang mana dapat memberi peluang kepada golongan mahasiswa dan mahasiswi untuk mendapatkan barang keperluan asas dengan tawaran harga lebih rendah dengan potongan harga sehingga 30%.



Konsep Jualan RAHMAH Siswa ini secara tidak langsung dapat meringankan kos sara hidup mahasiswa dan mahasiswi yang sedang menimba ilmu di kawasan-kawasan yang jauh daripada akses pasar raya atau pasar raya besar.

Turut hadir YBrs. Prof. Dr. Mohd Fo'ad Sakdan, Naib Cancellor Universiti Utara Malaysia, YBrs Prof. Dr. Ahmad Martadha Mohamed, Timbalan Naib Cancellor Universiti Utara Malaysia dan YBrs Tuan Affendi Rajini Kanth, Pengarah KPDN Negeri Kedah serta Pegawai-Pegawai KPDN dan tenaga pengajar UUM.



# MAJLIS PELANCARAN KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA 2023 DAN KERJASAMA MENGEKSPORT PRODUK MALAYSIA KE LUAR NEGARA BERSAMA PASAR RAYA LULU MALAYSIA 2023

YB Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah merasmikan Majlis Pelancaran Kempen Beli Barang Malaysia (KBBM) dan Kerjasama Mengeksport Produk Malaysia ke Luar Negara bersama Pasar Raya LuLu Malaysia pada 7 Disember 2023 bertempat di LuLu Hypermarket & Department Store Capsquare, Kuala Lumpur.

Kempen Beli Barang Malaysia (KBBM) 2023 mengetengahkan konsep Pemerkasaan Produk Tempatan menerusi Industri Peruncitan Tempatan dimana kempen ini merupakan inisiatif yang telah diperkenalkan dan dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN). Kempen ini juga bertujuan untuk mempromosi barang buatan tempatan serta menggalakkan rakyat Malaysia untuk berbelanja bagi menyokong dan merangsang pertumbuhan ekonomi tempatan.



Kerjasama antara KPDN dan Pasar Raya LuLu Malaysia dalam menyokong inisiatif ini dengan mengeksport produk buatan Malaysia ke Pasar Raya LuLu di luar negara yang mana memberi peluang kepada syarikat tempatan untuk merancakkan jualan produk mereka bukan sahaja di pasar raya tempatan malah turut menembusi pasaran luar negara. Dianggarkan sebanyak 600 produk tempatan yang dieksport telah berjaya mencatat jualan sebanyak 3 juta unit produk setakat November 2023 daripada hampir 80 Syarikat Tempatan (Malaysia) melalui pasar raya LuLu di 7 buah negara iaitu Pasar Raya LuLu Negara Arab Bersatu (UAE), Arab Saudi, Oman, Qatar, Kuwait, Bahrain dan India.

Secara rumusannya, Kempen Beli Barang Malaysia (KBBM) 2023 yang telah dijalankan ditambah pula dengan inisiatif kerjasama mengeksport produk malaysia ke luar negara ini sememangnya sangat membantu dalam meningkatkan jumlah permintaan terhadap barangan tempatan di dalam negara mahupun di luar negara. Tambahan pula kerjasama dengan pasar raya antarabangsa seperti Pasar Raya LuLu Malaysia sangat membantu dan menggalakkan produk tempatan (Malaysia) menembusi pasaran luar negara di tujuh (7) buah negara.



# KARNIVAL BARANGAN MALAYSIA (KBM) 2023

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri telah merasmikan Karnival Barang Malaysia (KBM) 2023 yang telah diadakan di IOI Grand Exhibition & Convention Centre, IOI City Mall Putrajaya pada 14 Disember 2023.

Majlis dimulakan dengan ucapan aluan oleh Yang Berhormat Datuk Armizan bin Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup dan seterusnya disusuli dengan ucapan perasmian oleh YAB Perdana Menteri.

Karnival Barang Malaysia (KBM) 2023 ini merupakan acara kemuncak Kempen Beli Barang Malaysia (KBMM) yang telah dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN). Untuk makluman, karnival kali ini telah berjaya menghimpunkan seramai 109 pemamer yang terdiri dari pengusaha-pengusaha barang tempatan termasuk syarikat-syarikat gergasi seperti Petronas, Proton, Perodua, Modenas serta rakan-rakan strategik KBBM yang lain termasuklah Shopee, Lazada, PG Mall dan sebuah syarikat animasi digital Warnakala Studios.

KBM 2023 berjaya menerokai kepelbagaian produk Malaysia dari lebih 10 kluster yang dikumpulkan pada tahun ini termasuklah dari kluster automotif, makanan dan minuman, kesihatan, penerbitan, keperluan rumah dan lain-lain lagi. KPDN menerusi KBBM pada tahun ini telah berjaya menjalinkan kerjasama strategik bersama 23 rakan strategik yang merangkumi pemain-pemain industri terkemuka dalam memperkasakan lagi barang Malaysia serta memperluaskan pasaran ke luar negara.

Sambutan luar biasa pengunjung yang hadir untuk melihat sendiri kepelbagaian produk buatan tempatan yang ditawarkan pada harga yang berpatutan serta promosi dan diskaun yang pastinya cukup berbaloi. Tidak ketinggalan, pelbagai aktiviti menarik sedang berlangsung antaranya adalah persembahan tarian traditional (tarian cina - AB Citra Dancers), Persembahan Buskers (trako band), Sesi Demonstrasi Kraf Tangan, Wawancara Kerohanian dan pelbagai lagi aktiviti menarik disediakan khusus buat pengunjung yang hadir ke karnival Barang Malaysia 2023.

Pengunjung juga berpeluang menebus kredit tunai e-Wallet Touch n Go bernilai RM20 apabila berkunjung ke reruai KPDN. Pemberian kredit tunai e-Wallet ini terhad kepada 500 orang pengunjung sahaja pada setiap hari berlangsungnya karnival.


Karnival Barang Malaysia 2023 mengetengahkan konsep Pemerksaan Produk Tempatan menerusi Industri Peruncitan Tempatan dimana kempen ini merupakan inisiatif yang telah diperkenalkan dan dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN). Kempen ini juga bertujuan untuk mempromosi barang buatan tempatan serta menggalakkan rakyat Malaysia untuk berbelanja bagi menyokong dan merangsang pertumbuhan ekonomi tempatan.



# SOROTAN LENSA

## KARNIVAL BARANGAN MALAYSIA 2023

Lensa KPDN sempat merakamkan pelbagai suasana serta reaksi para pengunjung ketika berlangsungnya Karnival Barang Malaysia 2023 pada 14 Disember sehingga 17 Disember 2023 bertempat di IOI Grand Exhibition & Convention Centre, IOI City Mall, Putrajaya





## Opening Ceremony FRANCHISE MALAYSIA IN PHNOM PENH, CAMBODIA



# MISI PERDAGANGAN FRANCAIS MALAYSIA KE PHNOM PENH, KEMBOJA

Satu Misi Perdagangan Francais ke Bandar Phnom Penh, Kemboja bersama 5 syarikat francais terkemuka di Malaysia yang telah diketuai oleh YBhg. Dato' Rohaizi bin Bahari, Pengarah Kanan Sektor Perdagangan Pengedaran dan Perniagaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) pada 3 hingga 6 Disember 2023 bertempat di Bandar Phnom Penh, (Cambodia) Kemboja.

Delegasi ini turut dihadiri bersama Deputy Chief of Mission Malaysia ke Kemboja, Puan Nur Herzazzila binti Ghazali dan Setiausaha Agung Persatuan Francais Malaysia (MFA), Encik Deric Yeo dan wakil Persatuan Francais Malaysia (MFA), MATRADE. Antara 5 syarikat francais terkemuka tempatan yang terlibat dalam Misi Perdagangan Francais ke Phnom Penh itu terdiri daripada syarikat Marrybrown, Q-Dees, HOME Math Therapy, Smart Reader Kids dan MyeongDong Topokki.

KPDN optimis bahawa syarikat-syarikat yang menyertai Misi Perdagangan ke Phnom Penh, (Cambodia) Kemboja akan mendapat hasil pulangan pelaburan (*Return of Investment*) kepada negara. Ia adalah selaras dengan sasaran potensi pelaburan yang ditetapkan sejumlah RM29 juta bagi kesemua 5 syarikat yang menyertai misi perdagangan ini.

KPDN komited untuk membawa lebih banyak produk francais tempatan yang mempunyai kelainan tersendiri untuk dipasarkan ke peringkat antarabangsa. Di peringkat global, jenama francais Malaysia juga telah berkembang sebagai jenama terkemuka di seluruh dunia, dengan lebih daripada 70 jenama di lebih 80 buah negara. Misi Francais Malaysia di Phnom Penh, Kemboja merupakan platform terbaik untuk usahawan-usahawan francais tempatan mengembangkan perniagaan francais ke pasaran strategik di rantau ASEAN.

# LAWATAN DAN SESI PEMANTAUAN

## SYARIKAT PEMBUNGKUSAN MINYAK MASAK



YBhg. Datuk Azman bin Adam, Ketua Pengarah Penguin Kuasa KPDN melihat sendiri proses-proses pembungkusan minyak masak (paket) 1kg dilakukan sambil diperhatikan oleh YBhg. Dato Dr Stanley Tan, Pengarah Kanan Bahagian Subsidi dan Bekalan KPDN Putrajaya, dan YBrs. Tuan Peter J. Berinus Agang, Ketua Pegawai Penguin Kuasa Negeri Sarawak

YBhg. Datuk Azman bin Adam, Ketua Pengarah Penguin Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah mengadakan lawatan kerja dengan melakukan sesi pemantauan dan pemeriksaan ke atas beberapa syarikat pembungkusan minyak masak (paket) 1kg di sekitar Bandar Kuching, Sarawak. Dalam lawatan kerja itu, beliau telah melakukan tinjauan ke Syarikat Pembungkusan Minyak Masak Kion Hoon Cooking Oils Mills Sdn Bhd, Syarikat East Asia Palm Product Sdn Bhd dan Syarikat DMW Industry Sdn Bhd pada 2 November 2023 bertempat di Kuching, Sarawak.

Lawatan ini bertujuan untuk melihat sendiri proses pembungkusan di premis tersebut serta mengenalpasti isu-isu yang terlibat dalam pengedaran minyak masak (paket) 1kg dan membuat keputusan yang diperlukan dalam rantaian edaran barang kawalan minyak masak khususnya di sekitar Negeri Sarawak.

Tujuan sesi lawatan ini bagi memastikan tiada penyelewengan yang berlaku terhadap bekalan minyak masak (paket) 1kg oleh peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab dan bagi memastikan bekalan minyak masak (paket) 1kg sentiasa mencukupi bagi memenuhi permintaan keperluan penduduk di Negeri Sarawak.

YBhg. Datuk Azman bin Adam, Ketua Pengarah Penguin Kuasa KPDN melihat bekalan minyak masak (paket) 1kg yang sedia untuk dihantar kepada peruncit tempatan.





## HARGA RUNCIT MINYAK MASAK SAWIT TULEN DALAM BOTOL KEKAL

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) komited dalam membantu rakyat meringankan beban kos sara hidup dan menangani isu kenaikan harga bagi mengelakkan pengguna dari terkesan dengan sebarang isu kenaikan harga yang tidak munasabah.

Bagi menangani isu ini, beberapa langkah proaktif telah diambil oleh KPDN dalam membantu rakyat melalui inisiatif-inisiatif yang telah digagaskan oleh Kerajaan MADANI. Antara inisiatif tersebut antaranya adalah mengekalkan Harga Runcit Maksimum bagi minyak masak tulen dalam botol menerusi Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No.13) 2023.

### KPDN sedia memantau!

Mana-mana pihak yang didapati menjual melebihi harga maksima yang telah ditetapkan oleh kerajaan, individu tersebut boleh diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 serta dikenakan penalti denda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya manakala bagi kesalahan Syarikat pula boleh didenda sehingga RM500,000.

Kerajaan akan terus memantau dan melaksanakan penguatkuasaan serta turut menggalakkan pengguna agar menjadi mata dan telinga kepada Kerajaan untuk menyalurkan maklumat berkaitan pelanggaran undang-undang di bawah bidang kuasa KPDN termasuk harga runcit minyak masak sawit tulen di pasaran secara rasmi melalui saluran aduan di portal rasmi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## PENGUMUMAN

# HARGA MAKSIMUM RUNCIT MINYAK MASAK TULEN KEMASAN BOTOL

SELURUH MALAYSIA 8.11.2023 - 7.12.2023



f X抖音 @ YouTube KPDN

IMBAS  
SALURAN  
ADUAN  
KPDN





YB Datuk Armizan bin Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup telah mengadakan sidang media Pengumuman Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Krismas 2023 pada 21 Disember 2023 yang telah diadakan di Perkarangan Kedai Kepayan Rumah Murah, Kota Kinabalu, Sabah.

Menjelang sambutan perayaan Krismas pada 25 Disember 2023, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Krismas 2023 yang akan berkuat kuasa bermula 23 Disember hingga 27 Disember 2023.

Tempoh pelaksanaan adalah selama 5 hari iaitu 2 hari sebelum perayaan, 1 hari semasa perayaan dan 2 hari selepas perayaan. Sebanyak 14 jenis barang akan diwartakan bagi pelaksanaan SHMMP Krismas.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan turut melaksanakan pemantauan berterusan untuk memastikan keberadaan bekalan barang adalah mencukupi. Semakan harga boleh dibuat melalui laman portal rasmi KPDN.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# S K I M

## HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN KRISMAS 2023

Berkuat kuasa : **23 Disember 2023 – 27 Disember 2023**

melibatkan 14 jenis barang



Bawang Merah  
Besar Import



Lobak Merah



Cili Merah



Lada  
Benggala  
Hijau



Kubis Bulat  
Import  
(China dan  
Indonesia)



Daging Kambing  
Biri-Biri  
Bertulang  
Import



Tomato



Ubi Kentang  
Import (China)



Bawang  
Kuning Besar



Ayam Tua  
Hidup  
*\*Dikawal  
di Sarawak*



Babi Hidup  
(Dikawal  
peringkat  
Jadang)



Daging Babi  
(Daging  
dan Lemak)



Daging Babi  
(Perut)



Kepak Ayam

*\*Dikawal di Sarawak, Sabah dan WP Labuan*

Pematuhan peniaga terhadap barang harga terkawal di bawah

### Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011

- Menggunakan **tanda harga merah jambu**
- Tidak menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan

Lihat senarai penuh harga  
maksimum 14 barang terlibat  
di peringkat pemborong dan  
peruncit melalui Portal Rasmi KPDN:

**IMBAS**  
**SENARAI PENUH**



# KAMI BERTINDAK!

## 1 MAJLIS PELUPUSAN EKSHIBIT PERDANA KPDN TAHUN 2023

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah melupus barang rampasan berupa dakwat mesin pencetak di bawah Akta Cap Dagangan 2019 (Akta 730) yang bernilai RM2.9 juta membabitkan 9 kes seluruh negara pada 22 November 2023 bertempat di Cenviro Sdn Bhd, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Majlis pelupusan Ekshibit Perdana ini telah disaksikan oleh YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha KPDN untuk melihat sendiri proses pelupusan barang rampasan bernilai RM38.53 juta melibatkan pelbagai kesalahan di seluruh Negara pada tahun ini.

Bermula 1 Januari 2023 sehingga 31 Oktober 2023, nilai keseluruhan pelupusan barang rampasan kes yang dihasilkan adalah berjumlah RM38.5 juta. KPDN melalui tindakan penguatkuasaan telah mengutip sebanyak RM49.04 juta dan hasil tersebut dijadikan sebagai hasil kerajaan.



YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha KPDN bersama-sama YBhg. Datuk Azman bin Adam, Ketua Pengarah Penguin Kuasa KPDN turun padang bagi melihat sendiri proses pelupusan barang rampasan berupa dakwat mesin pencetak bertempat di Cenviro Sdn Bhd, Port Dickson, Negeri Sembilan.



Bagi memastikan proses barang rampasan ini dilaksanakan dengan teliti, teratur dan selamat, Bahagian Penguin Kuasa KPDN telah melantik pusat pengurusan sisa buangan terjadual bersepadu iaitu syarikat Kualiti Alam yang mempunyai pengalaman melebihi 30 tahun dalam pengurusan sisa buangan terjadual bersepadu. Kesemua barang rampasan akan dilupuskan di loji "Schedule Waste to Energy" menggunakan teknologi incinerator yang mana proses tersebut akan menjana tenaga elektrik untuk disalurkan kepada Grid Nasional.



# KAMI BERTINDAK!

2

## PREMIS DISYAKI DIJADIKAN TEMPAT TRANSIT MINYAK DIESEL BERSUBSIDI DISERBU PENGUAT KUASA KPDN



Satu serbuan yang dilakukan ke atas sebuah premis tanpa nama di Klang, Selangor yang disyaki dijadikan stor haram tempat penyimpanan dan pemindahan minyak diesel bersubsidi berjaya ditumpaskan menerusi OPS TIRIS pada 6 Disember 2023. Serbuan yang dilakukan oleh sepasukan anggota penguat kuasa daripada KPDN Selangor bermula kira-kira jam 2.30 pagi itu adalah hasil risikan yang telah dilakukan oleh pihak KPDN selama dua minggu menerusi hasil maklumat dan aduan dari orang awam.

Modus operandi sindiket ini adalah menggunakan sebuah lori bonded yang telah diubahsuai dengan tangki tambahan jenis Intermediate Bulk Containers (IBC) bagi membeli minyak diesel bersubsidi di stesen-stesen minyak sekitar Lembah Klang. Minyak diesel itu kemudian akan dibawa ke stor haram terbabit untuk dipindahkan ke sebuah lori tangki yang lain sebelum dijual di pasaran. Hasil pemeriksaan lanjut ke atas keseluruhan premis terbabit, pasukan serbuan telah menemukan minyak diesel dengan kuantiti keseluruhan berjumlah 12,100 liter serta beberapa peralatan lain yang digunakan untuk kegiatan penyelewengan minyak diesel beserta penahanan empat orang lelaki, dua daripadanya warga asing yang mengaku sebagai pekerja di premis terbabit serta pemilik lori berkenaan, berumur lingkungan di antara 25 hingga 30 tahun telah ditahan bagi membantu siasatan.

Selain itu, dua buah lori, pam bermotor, paip penyambung, minyak diesel, beberapa dokumen berkaitan serta peralatan-peralatan lain turut ditemui di lokasi serbuan dan telah disita bagi tujuan siasatan lanjut. Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah RM218,015.00.

Kementerian akan sentiasa menggerakkan anggota penguat kuasanya dan memperhebatkan tindakan penguatkuasaan serta pemantauan bagi memastikan aktiviti haram ini dapat dibendung daripada terus berleluasa. Masyarakat juga disaran untuk menjadi mata dan telinga kepada pihak berkuasa dengan memberikan kerjasama sekiranya mempunyai sebarang maklumat terutamanya berhubung aktiviti penyelewengan barang kawalan dan bersubsidi bagi memastikan aktiviti haram ini dapat dibanteras sehingga ke akar umbi yang boleh menyebabkan kerugian besar kepada rakyat dan Negara. Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berhubung aktiviti penyelewangan barang kawalan dan bersubsidi boleh menyalurkan aduan yang lengkap kepada pihak Kementerian melalui saluran aduan portal laman rasmi KPDN.







## SOROTAN







KEMENTERIAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP,  
NO. 13, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2,  
62623 PUTRAJAYA,  
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA.